

11/05/2003

Program antimerokok dilaksana lebih menyeluruh

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kecewa dengan peningkatan tabiat merokok terutama oleh pelajar sekolah dan remaja

mengarahkan Kementerian Kesihatan melaksanakan program antimerokok yang lebih menyeluruh bagi memerangi gejala itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata Dr Mahathir sangat bimbang melihat semakin ramai murid dan remaja termasuk gadis dan wanita muda terbabit dengan tabiat itu.

"Berikutan itu, kementerian tidak lama lagi akan melancarkan projek peringkat kebangsaan bagi menyedarkan mereka yang belum merokok supaya tidak memulakan tabiat itu manakala mereka yang sudah merokok, menghentikan segera ketagihan berkenaan.

"Projek membabitkan perbelanjaan RM20 juta akan menembusi setiap lapisan masyarakat termasuk mereka yang tinggal di kampung dan desa," katanya.

Chua berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan kempena Cara Hidup Sihat 2003 Peringkat Kebangsaan bertema "Sihat Sepanjang Hayat"

di Kompleks Sekolah Presint 8 di sini semalam.

Menteri Kesihatan ditanya mengenai usaha menangani peningkatan tabiat merokok terutama golongan remaja dan belia termasuk wanita yang mencapai peringkat membimbangkan walaupun pelbagai kempen dilaksanakan kerajaan.

Awal tahun ini, kerajaan mengharamkan semua jenis promosi rokok secara tidak langsung termasuk melalui produk, jenama dan percutian di media massa.

Sebelum ini, kerajaan meluluskan undang-undang yang melarang mereka yang berumur kurang 18 tahun daripada membeli rokok. Bagaimanapun, mereka yang di bawah umur masih dapat membeli rokok berikutan tiada penguatkuasaan terhadap peraturan itu.

Walaupun kempen hari tanpa tembakau atau jangan merokok diadakan setiap tahun, 10,000 kematian dikaitkan dengan tabiat merokok di Malaysia.

Chua berkata, kerajaan sudah mengambil tindakan drastik seperti yang dikehendaki Perdana Menteri dengan mengharamkan pengiklanan secara tidak langsung jenama rokok di media massa.

Katanya, tanpa projek peringkat kebangsaan yang lebih padu, kerajaan bimbang jumlah perokok terutama di kalangan gadis dan wanita akan mencapai jumlah yang sama dengan lelaki menjelang 2010.

Beliau juga berkata, keburukan merokok juga mendorong Kementerian Kesihatan memasukkan komponen "Tidak Merokok" sebagai salah satu langkah dalam kempen Sihat Sepanjang Hayat.

"Kempen kali ini adalah yang terbaik yang menggunakan kandungan semua kempen Cara Hidup Sihat yang dimulakan sejak 1991.

"Menerusi tema Sihat Sepanjang Hayat ini, kita hendak rakyat mengubah cara hidup mereka, melakukan perubahan tingkah laku supaya mereka

beralih

daripada cara hidup tidak sihat kepada cara hidup sihat," katanya.

Chua menjelaskan kempen Cara Hidup Sihat kali ini digabungkan menjadi satu tema yang mudah difahami rakyat dan akan dilaksanakan selama sembilan

tahun berturut-turut.

Katanya, fokus kempen adalah empat mesej mudah difahami iaitu makan secara sihat, aktiviti fizikal dan senaman, tidak merokok, dan menangani stres dan tekanan mental.

Beliau berkata, kempen ini juga akan menumpukan kumpulan tertentu selama

lima tahun bermula tahun ini dengan kanak-kanak sekolah rendah dari darjah

empat sehingga enam .

"Peringkat ini adalah masa terbaik menerap nilai yang baik. Guru dan kakitangan kesihatan akan dilatih dan sebahagian mereka sudah dilatih untuk tujuan ini," katanya sambil menambah 280 sekolah rendah akan terbabit tahun ini sebelum ia diperluaskan kepada 2,900 sekolah menjelang

lima tahun.

Chua juga berkata, tahun depan, tumpuan kempen adalah di tempat kerja manakala di kemudahan kesihatan pada 2005 dan masyarakat secara am pada 2006.

"Semua setting tumpuan kempen ini akan berlangsung selama lima tahun," katanya.